

PINETARSOL GEL

Pine tar (1.6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pinetarsol Gel
2. Bagaimana Pinetarsol Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pinetarsol Gel
4. Cara menggunakan Pinetarsol Gel
5. Semasa menggunakan Pinetarsol Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pinetarsol Gel

- Sebagai rawatan tambahan untuk melegakan gatal-gatal yang teruk dan mengurangkan keradangan.
- Untuk melegakan gejala dermatitis (keradangan lapisan luar kulit), kulit radang bersisik, psoriasis (penyakit autoimun keradangan kulit) dan lain-lain kerengsaan kulit yang kronik

Bagaimana Pinetarsol Gel berfungsi

- Pembersih gel tanpa sabun yang mengandungi *pine tar* melegakan gatal-gatal dan mengurangkan keradangan.
- pH 6 untuk mengekalkan perlindungan semulajadi kulit
- Alternatif pengganti sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang rapuh dan radang.

Sebelum menggunakan Pinetarsol Gel

- Bila tidak boleh menggunakan
Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.
- Sebelum mula menggunakan
Walaupun tidak ada kajian tentang penggunaan tar semasa mengandungi atau menyusu, tidak ada kesan buruk yang telah dilaporkan dalam sebarang artikel.

Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Pinetarsol Gel

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kulit basah dan sapu dengan lembut pada kawasan terjejas. Biarkan 2-3 minit. Bilas dan keringkan kulit.

- Bila perlu digunakan

Gunakan sekerap yang diperlukan, setiap kali kawasan yang radang dicuci.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang dilaporkan berkenaan dengan penggunaan topikal yang berlebihan pada manusia.

Semasa menggunakan Pinetarsol Gel

- Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan. Jangan gunakan pada luka yang terbuka.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika terkena mata, cucikan dengan air. Elakkan menggunakan sabun kerana sabun boleh merengsakan kulit yang meradang. Jika ada sebarang ketidakselesaan, hentikan penggunaan.

Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan yang dikenali untuk *pine tar* apabila digunakan topikal. Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Reaksi hipersensitiviti jarang berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pinetarsol Gel

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Pinetarsol Gel tidak patut dibuangkan dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan Pinetarsol Gel yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pinetarsol Gel berwarna hijau muda berbau *pine tar*. Ianya dalam botol 500g dengan pam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *pine tar*.
- Bahan tidak aktif: *purified water, carbomer 934P, patent blue V CI42051, laureth-23, laureth-4, dichlorobenzyl alcohol, cocamide DEA, TEA lauryl sulfate, triethanolamine, glycerol, lauryl betaine, phenethyl alcohol, lavender oil*.

- Nombor MAL:

MAL12050012XZ

Pengilang

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.
21-31 Malcolm Road,
Braeside, 3195
Australia

PINETARSOL GEL

Pine tar (1.6% w/w)

Pemegang Pendaftaran Produk

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,
46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RIMUP

24/08/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)240817/00226